



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ;
**RAJA BERDAULAT
MENJUNJUNG KASIH
TITAH DITAAT**



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYANCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





“RAJA BERDAULAT, MENJUNJUNG KASIH TITAH DITAAT”.1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكِ الْمَلِكِ تُوتِي الْمَلِكِ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكِ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتَعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ٢٦ ١</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ١٠٢</p>	4
<p>Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.</p>	5
<p>Mimbar menyeru kepada hadirin jumaat sekalian, agar marilah sama-sama kita memberikan perhatian sepenuhnya untuk menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk “RAJA BERDAULAT, MENJUNJUNG KASIH TITAH DITAAT”.</p>	6

¹ Ali Imran : 26.



Allah telah menjadikan fitrah manusia untuk hidup secara bermasyarakat, memiliki pemimpin serta rakyat yang dipimpin. Jika kita telusuri sejarah ketamadunan manusia sejak dahulu, kesemuanya memiliki *daulah* atau kerajaan yang dipimpin oleh individu yang terpilih dalam kalangan mereka. Walau apa jua kaedah penentuan pemimpin atau raja yang bertakhta, hakikatnya Allah SWT jualah yang menentukan kepada siapa pemerintahan tersebut akan diamanahkan bagi sesuatu negeri atau negara.

7

Hal ini dinyatakan dalam firman Allah SWT melalui Surah Ali Imran ayat ke-26 yang dibacakan di awal khutbah ini yang bermaksud;

"Katakanlah (wahai Muhammad), Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja, adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

8

Di negara kita ini, struktur tertinggi pemerintahan negara dipayungi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak sebagai Ketua Negara. Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 32(1) memperuntukkan bahawa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Utama Negara bagi Malaysia. Maka sebagai Ketua Utama Negara, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Tertinggi Persekutuan yang mempunyai keutamaan yang lebih daripada orang lain di samping mempunyai kuasa yang luas dan penting dalam menstabilkan negara dan melaksanakan urusan Kerajaan Persekutuan.

9



Sebagai rakyat yang patuh, kita hendaklah menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dan menumpahkan seluruh ketaatan kepada Baginda sebagai pemimpin atau “*Ulil Amr*”, serta memuliakan Baginda, kerana ia juga termasuk dalam salah satu perintah agama. Oleh itu, inilah tanggungjawab dan kewajipan yang saling melengkapi antara satu sama lain dan akan membuahkan natijah yang menyeluruh kepada semua.

10

Abu Bakrah Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

السُّلْطَانُ ظِلُّ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ، فَمَنْ أَكْرَمَهُ أَكْرَمَهُ اللَّهُ، وَمَنْ أَهَانَهُ
أَهَانَهُ اللَّهُ.

11

“Sultan merupakan naungan Allah di bumi. Barangsiapa yang memuliakannya maka Allah akan memuliakannya, dan barangsiapa yang menghينanya maka Allah akan menghinanya.”

(Riwayat al-Baihaqi).

12

Naungan Allah di bumi merupakan perumpamaan betapa besar dan beratnya tanggungjawab seorang sultan bagi memastikan syariat Islam difahami, dihayati dan diamalkan oleh seluruh rakyat, serta memastikan dengan kesempurnaan Islam, masyarakat dapat hidup rukun damai dalam sebuah negara yang merdeka. Walaupun kadangkala ketentuan pemerintah tidak sesuai dengan pandangan dan selera kita, namun selama mana keputusan tersebut bertepatan dengan Hukum Syarak serta menjaga kepentingan umat Islam secara keseluruhannya, maka ia wajib dipatuhi dan ditaati oleh seluruh rakyat.

13



Diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar Radiallahuanhuma, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda;

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَهُ، مَا لَمْ يُؤْمَرْ
بِمَعْصِيَةٍ، فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

14

"Mendengar dan mentaati (pemerintah) adalah wajib bagi setiap Muslim, sama ada dalam perkara yang disukai ataupun yang tidak disukai, selagi dia tidak diperintahkan melakukan kemaksiatan. Jika dia diperintahkan melakukan kemaksiatan, maka tidaklah (wajib) dia mendengar dan mentaati.

(Riwayat al-Bukhari)

15

Mentaati arahan dan titah pemerintah merupakan suatu tuntutan dalam Islam bagi memastikan kestabilan dan keharmonian sesebuah negara berjaya dicapai dan dikekalkan. Mana mungkin sesuatu negeri atau negara akan tenteram dan dapat menikmati hidup rukun damai, jika rakyat dan pemimpin saling bercakaran dan menyalahkan antara satu sama lain.

16

Imam al-Muzani Rahimahullah menyatakan dalam kitabnya *Syarh al-Sunnah*;

الطَّاعَةُ لِأُولِي الْأَمْرِ فِيمَا كَانَ عِنْدَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ مَرْضِيًّا، وَاجْتِنَابُ مَا
كَانَ عِنْدَ اللَّهِ مُسْخَطًا

17



<p><i>"Ketaatan kepada pemimpin hanya pada perkara yang diredai Allah 'Azza wa Jalla, dan menjauhi perkara yang dimurkai Allah."</i></p>	18
<p>Sekiranya ada kesalahan atau kekurangan yang dilakukan oleh pemimpin yang bersifat peribadi, atau tanpa melibatkan penindasan ke atas rakyat, maka ia hendaklah ditegur dengan penuh hikmah dan beradab, dan bukanlah dengan mengangkat senjata dan menimbulkan huru-hara, yang akhirnya akan menyebabkan kerugian kepada rakyat dan negara sendiri.</p>	19
<p>Melihat kepada pentingnya mentaati arahan raja sebagai pemerintah, Abu Hurairah Radiallahuanhu pernah meriwayatkan daripada Rasulullah SAW dengan sabda baginda;</p> <p>مَنْ أَطَاعَنِي فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ يَعِصِنِي فَقَدْ عَصَى اللَّهَ وَمَنْ يُطِيعِ الْأَمِيرَ فَقَدْ أَطَاعَنِي وَمَنْ يَعِصِ الْأَمِيرَ فَقَدْ عَصَانِي.</p>	20
<p><i>"Sesiapa yang mentaati aku, maka dia telah mentaati Allah. Sesiapa yang mengingkari aku, maka dia telah mengingkari Allah. Sesiapa yang taat kepada pemimpin, maka dia telah mentaati aku, dan sesiapa yang mengingkari pemimpin, maka dia telah ingkar kepadaku.</i></p> <p><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	21



<p>Jika merujuk kepada hadis tersebut, jelas menggambarkan kepada kita betapa pentingnya ketaatan kepada pemerintah, dan betapa besarnya ancaman terhadap mereka yang ingkar terhadap titah seorang raja yang berdaulat, serta beratnya tanggungjawab yang dipikul oleh seorang pemimpin umat Islam.</p>	22
<p>Dalam hidup bernegara, kita jangan hanya menumpukan kepada hasrat dan matlamat dalam kehidupan di dunia semata-mata, akan tetapi dalam masa yang sama, kita hendaklah sentiasa mencari peluang untuk bahagia di akhirat kelak. Sama ada raja atau rakyat, kedua-duanya mempunyai peluang untuk mendapat ganjaran syurga Allah SWT dalam membangunkan sesebuah negara.</p>	23
<p>'Iyadh bin Hamar al-Tamimi Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda;</p> <p style="text-align: center;">أَصْحَابُ الْجَنَّةِ ثَلَاثَةٌ ذُو سُلْطَانٍ مُّقْسِطٌ مُّصَدِّقٌ مُّوَفِّقٌ، وَرَجُلٌ رَّقِيقٌ الْقَلْبِ لِكُلِّ مُسْلِمٍ، وَرَجُلٌ عَفِيفٌ مُّتَصَدِّقٌ</p>	24
<p><i>"Dalam kalangan penghuni syurga ada tiga golongan, iaitu sultan yang adil, dipercayai serta disenangi rakyat, orang mukmin yang bertakwa yang lembut hatinya kepada muslim yang lain, serta lelaki yang menjaga maruah serta banyak bersedekah."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bazzar).</i></p>	25



Sebagai rakyat Malaysia khususnya umat Islam di negara ini, kita bersyukur kerana dianugerahi seorang pemerintah yang adil dan prihatin kepada masalah yang

dihadapi oleh rakyat. Di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara, Baginda telah berjaya melaksanakan tanggungjawab menerajui kepimpinan negara dengan baik pada ketika rakyat menghadapi musibah dan keperitan hidup mendepani ujian besar Pandemik Covid-19, yang sama sekali tidak pernah diduga. Baginda juga telah menggunakan kebijaksanaan Baginda di dalam mengatasi dan mengimbangi kestabilan politik tanah air yang suatu ketika dulu pernah melalui detik-detik mencabar, dengan penuh hikmah dan adil.

26

Memberikan sepenuh ketaatan kepada raja, bukanlah bermaksud sebagai rakyat biasa kita tidak boleh menegur dan bersuara untuk membina masa depan yang lebih baik. Bagi tujuan tersebut, ada salurannya yang betul dan sesuai untuk digunakan dan perlu elakkan diri dari meluakannya di media sosial dan mewujudkan provokasi secara tidak bermoral yang boleh merosakkan imej negara di mata dunia. Janganlah kita hanya bertanya apakah yang negara boleh berikan kepada kita? Akan tetapi bertanyalah kepada diri sendiri, apa sumbangan kita kepada agama, bangsa dan negara. Bijak pandai ada menyatakan; Raja muafakat dengan menteri, seperti kebun berpagar duri, betul hati kepada raja, tanda jadi sebarang kerja, hukum adil untuk rakyat, tanda raja beroleh inayat.

27

Bagi mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman untuk kita;

28



1. Sebagai rakyat, kita hendaklah mensyukuri nikmat dianugerahkan negara yang mempunyai sistem Raja Berperlembagaan, yang sangat unik dan sentiasa menjaga kepentingan dan keagungan agama Islam.
2. Sebagai ketua keluarga, kita hendaklah mendidik generasi anak-anak supaya menghormati Institusi Diraja Malaysia sebagai payung negara, agar negara dapat mencapai kemajuan dan kestabilan pada masa akan datang.
3. Umat Islam hendaklah mentaati rajanya tanpa berbelah bahagi kerana mentaatinya adalah perintah Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ
مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ٥٩

29

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Kitab Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya."

(Surah al-Nisa : 59).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.
9	اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي فَدُوكِ بَكِينِدَا يَغِ دَفَرْتَوَانِ اكَوْغِ، السُّلْطَانَ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.



10	وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاچ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تونكو (Tunku) عَزِيْزَةٌ اَمِيْنَةٌ مِيْمُوْنَةٌ اِسْكَنْدَرِيَّةٌ بِنْتُ الْمَرْحُوْمِ الْمُتَوَكَّلِ عَلٰى اللهِ سُلْطَانِ اِسْكَنْدَرَ الْحَاچِ.
11	اللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ بِاَسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
12	اللّٰهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَاِيْمَانٍ، وَاَمْنٍ وَاَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.
13	اللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ بِاَسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
14	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَغُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ ادريس شاه الحج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّيْنِ عبد العزيز شاه الحج.
15	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَغُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّيْنِ عبد العزيز شاه الحاج.



<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	16
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	17
<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat.</p>	18
<p>Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor khususnya dan amnya di seluruh Malaysia rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	19



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	20
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ٢٠١.	21
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٩٠	22
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	23